

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah bantuan sara hidup yang telah diberi kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang setiap tahun dari 2010 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh golongan nelayan. Bagi membantu meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup dan menjadikan sektor perikanan berdaya saing, bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan Laut sebanyak RM300 dan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat sebanyak RM250 diberikan kepada nelayan-nelayan yang layak.

Jumlah bantuan sara hidup yang telah diberi kepada nelayan-nelayan laut Pulau Pinang bermula dari tahun 2010 sehingga kini adalah sebanyak RM116,812,310 dengan pecahan seperti berikut:

TAHUN	BIL. PENERIMA	NILAI (RM)	KADAR BAYARAN	KATEGORI PENERIMA
2010	4,671	9,608,800	RM200	Pemilik dan Pekerja Zon A, B, C & C2
2011	4,563	9,148,600		
2012	4,461	9,677,400		
2013	4,508	9,658,000		
2014	3,380	9,510,600		
2015	4,234	13,212,900	RM300	Pemilik dan Pekerja Zon A
			RM250	Pemilik dan Pekerja Zon B, C & C2
2016	3,877	12,329,150	RM300	Pemilik dan Pekerja Zon A
			RM 250	Pemilik dan Pekerja Zon B, C & C2
2017	3,576	11,579,250	RM300	Pemilik dan Pekerja Zon A

SOALAN NO : 386

			RM 250	Pemilik dan Pekerja Zon B, C & C2
2018	3,377	10,703,250	RM300	Pemilik dan Pekerja Zon A
			RM 250	Pemilik dan Pekerja Zon B, C & C2
2019	3,068	6,392,600	RM200	Pemilik Zon A dan Pekerja Zon A, B, C & C2
2020	2,726	7,507,500	RM250	Pemilik Zon A dan Pekerja Zon A, B, C & C2
2021 (sehingga kelayakan Okt)	2,602	7,484,260	RM300	Pemilik Zon A dan Pekerja Zon A, B, C & C2

*Sumber : Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Bagi bantuan ESHN Darat, program ini bermula dari tahun 2015 dengan jumlah bantuan sebanyak RM1,091,900 dengan pecahan seperti berikut:

Tahun	Bilangan Orang	Jumlah Peruntukan (RM)
2015	54	109,600.00
2016	96	217,800.00
2017	94	219,200.00
2018	84	201,600.00
2019	48	106,600.00
2020	43	104,600.00
2021 (Sehingga Okt)	53	132,500.00

*Sumber : Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)

Sekian, terima kasih.